



16 MAY, 2025

Energy Asia 2025 pemangkin utama peralihan tenaga di Asia

Utusan Malaysia, Malaysia



Energy Asia 2025 pemangkin utama peralihan tenaga di Asia

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulq.com.my

KUALA LUMPUR: Forum Energy Asia 2025 anjuran Petronas yang berlangsung dari 16 hingga 18 Jun depan dijangka menjadi pemangkin utama dalam mempercepatkan peralihan tenaga di Asia.

Forum bertemakan Merealisasikan Peralihan Tenaga Asia itu turut dianjurkan dengan kerjasama CERWeek, S&P Global bagi menyelaras hala tuju strategik tenaga serantau selain merangsang pelaburan dan kerjasama rentas industri.

Naib Presiden, Perhubungan dan Komunikasi Strategik Kumpulan Petronas, Ir Norafizal Mat Saad berkata, forum itu akan menentanghkan 50 sesi dialog strategik meliputi tujuh tema utama termasuk ekonomi dan geopolitik, pasaran tenaga, inovasi teknologi serta kelestarian.

“Asia adalah rantau paling pesat berkembang dan menyumbang kepada lebih separuh daripada populasi serta



NORAFIZAL Mat Saad (enam dari kiri) dan Datin Arni Laily Anwarrudin (kiri sekali) dalam forum sempena sesi Lunch Escape Road to Energy Asia di sini semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

pelepasan gas rumah kaca dunia.

“Maka, kejayaan Asia mencapai matlamat sifar bersih adalah penting untuk kejayaan global,” katanya dalam ucapan sempena sesi Lunch Escape Road to Energy Asia di sini semalam.

Forum yang bakal berlang-

sung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) itu dijangka menghimpunkan seramai 180 penceramah bertaraf antarabangsa dan lebih 4,000 delegasi dari lebih 50 negara di Kuala Lumpur, menjadikannya antara persidangan tenaga paling berprestij di rantau ini.

Program itu dijangka menjadi platform penting untuk memacu perbincangan, kerjasama dan penyelesaian konkrit ke arah masa depan tenaga yang lebih lestari dan inklusif di Asia.

Mengulas mengenai kelainan pada kali ini, Pengurus Besar

Kanan, Energy Asia dan Strategi, Datin Arni Laily Anwarrudin berkata, Taman Tenaga atau Energy Park turut diperkenalkan sebagai sebahagian daripada forum berkenaan akan menjadi pusat demonstrasi teknologi rendah karbon, menampilkan penyelesaian inovatif masa depan.

Ujarnya, Energy Park yang menjadi antara tarikan utama turut diperbesarkan dua hingga tiga kali ganda berbanding tahun lalu bagi memberi ruang kepada lebih banyak pameran teknologi dan inovasi terkini dalam industri tenaga.

“Selain itu, antara tumpuan utama ialah penganjuran program ‘Future Energy Leaders’ yang menyasarkan penyertaan anak muda dalam usaha meningkatkan kesedaran dan minat terhadap kerjaya serta peluang dalam sektor tenaga.

“Kita mahu membina ekosistem yang menyokong peralihan tenaga secara menyeluruh dan ini bermula dengan menyemai minat dalam kalangan generasi muda,” katanya.